

Rakyat mampu usahakan sesuatu lebih membanggakan

REMBAU 10 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin rakyat Malaysia mampu mengusahakan sesuatu yang lebih membanggakan sekiranya mereka sanggup berusaha dengan lebih gigih serta menerima dan mempelajari teknologi baru.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyeru para pekerja di negara ini sedar bahawa kunci utama ke arah kemajuan yang lebih pesat ialah penggunaan teknologi yang termoden dan canggih.

“Justeru itu, kita harus berani dan sanggup mempelajari teknologi terkini yang ada pada hari ini,” katanya semasa berucap merasmi-

kan kilang Nestle Foods di Kawasan Perindustrian Chembong, di sini hari ini.

Kilang ini adalah projek usahasama program industri ASEAN Industrial Joint Venture (AIJV) iaitu projek pertama dilaksanakan oleh Nestle S. A. Switzerland bersama enam pemegang ekuiti daripada enam buah negara anggota ASEAN.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang tidak sanggup (mempelajari teknologi terkini) akhirnya tidak mampu bersaing dan ini akan merugikan pengusaha sehingga boleh menyebabkan pekerja menganggur.

“Penggunaan automasi hendak-

lah digalakkan lagi ketika Malaysia berusaha ke arah mencapai teknologi yang lebih tinggi,” ujarnya.

Perdana Menteri menambah, dasar perindustrian negara ini juga perlu diteruskan kerana ia sudah terbukti dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan menarik lebih ramai pelabur asing.

Mengenai bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), kata Perdana Menteri, syarikat-syarikat negara ini perlu memberi perhatian yang lebih serius terhadap program itu.